

File 39

S. U. Polihni

Ucapan, ADHO

537

156/80

Ucapan pembukaan oleh Y.B. Menteri Pelajaran
Inche Mussein Onn di-Meshuarat Jawatankuasa
Penasihat Kawasan Malaysia yang akan di-adakan
di-Balai Seminar, Dewan Bahasa dan Pustaka,
Kuala Lumpur, pada hari Ithnain, 3hb Julai,
1972 pukul 9.00 pagi

Saya berasa sungguh sukachita berada di-kalangan tuan2 dan puan2 dalam persidangan dua tahun sekali pada pagi ini dan saya ucapkan selamat datang kepada dua orang pelawat kita daripada Cambridge, ia-itu Dr. Wild dan Mr. Hardy.

Saperti yang tuan2 dan puan2 ketahui bahawa usaha bersama antara Malaysia dan Cambridge mengadakan peperiksaan2 Cambridge bermula 70 tahun yang lalu. Meshuarat 2 tahun sekali ini adalah mustahak ia-itu meshuarat ini akan mengatasi masalah2 yang akan timbul daripada pengendalian peperiksaan2 SPM/MCE dan HSC. mulai daripada tahun ini.

Mulai dari tahun ini kerja2 memproses dan mengeluarkan keputusan2 SPM akan di-lakukan di-Kuala Lumpur. Kita juga berharap akan menyertai saberepa banyak yang boleh dalam peperiksaan MCE dan jika boleh dalam peperiksaan SPM juga. Kita juga sedang membuat atoran2 untuk memeriksa beberapa kertas MCE di-Kuala Lumpur dalam tahun 1972 di-bawah penyeliaan Ketua2 Pemeriksaan Cambridge. Untuk menghadapi kerja2 yang semakin bertambah itu, kita akan membeli satu lagi komputer baru dan alat2 yang lain yang berharga lebeh kurang 1½ juta ringgit. Kakitangan2 tambahan akan juga di-ambil untuk menjalankan kerja ini.

Pada masa sekarang, kita ada tujuh belas orang pakar2 peperiksaan dalam Bahagian Pembangunan Ujian kita untuk menyediakan kertas2 yang berchorak objektif dan tridisional bagi peperiksaan2 tempatan kita. Pakar2 ini juga telah membentok kertas2 peperiksaan jenis Nuffield bagi kursus2 Fizik Moden, Kimia Moden, dan Kajihayat Moden. Kursus2 ini di-tawarkan kepada chalun2 MCE/SPM bagi pertama kali-nya dalam tahun 1973.

Islam ia-lah agama resmi Malaysia, dan pengajian Islam di-peringkat menengah ada-lah di-perluaskan lagi dengan penubohan Fakulti Islam di-Universiti Kebangsaan. Di-sebabkan ini mulai tahun 1973 pengajian Islam di-peringkat SPM/MCE akan di-jadikan mata pelajaran 'lognate subject' untok pilihan ka-tingkatan VI. Ada-lah juga menjadi harapan kita bahawa dengan pengluasan pengajian Islam di-peringkat menengah, ia-itu 3 mata pelajaran lagi, Bahasa Arab dan Sastera, Perundangan Islam dan Usulluddin hendak-lah di-jadikan mata2 pelajaran yang boleh di-tawarkan di-peringkat principal di-dalam peperiksaan STP mulai tahun 1973.

Bangunan pejabat Lembaga Peperiksaan yang ada sekarang tidak menchukupi bagi keperluan2 kita dan suatu bangunan baru yang berharga empat juta ringgit sekarang ini sedang dalam pembenaan di-Jalan Duta dan di-jangka siap pada awal tahun 1974. Ruangan simpanan yang menchukupi akan juga di-adakan untok menyimpan skrip2 jawapan, kertas2 jawapan objektib, alat-tulis dan lain2.

Kementerian Pelajaran sekarang telah pun menubuhkan Bahagian Bekalan Kajihayat di-Jalan Damansara dan kita mempunyai kemudahan2 dan kakitangan yang di-kehendakki untok menyediakan bahan2 peperiksaan untok peperiksaan2 sains praktikal di-peringkat SPM, MCE, dan STP. bagi peperiksaan dalam tahun 1973.

Walau bagaimana pun kita meminta kerjasama tuan2 dan puan2 supaya memberi kita senarai bahan2 dan chontoh2 yang di-kehendakki untok tiga peperiksaan menjelang bulan Februari pada tiap2 tahun.

Bahagian ini juga akan membekalkan bahan2 kajihayat untok pengajaran bilek-darjah supaya jenis pokok2 dan binatang2 tempatan yang bermakna kepada murid2 boleh di-kaji.

Kita sentiasa mengikut perkembangan2 pelajaran dengan menghantar pegawai2 ka-seberang laut untok menghadiri persidangan2, seminar2 dan wokshop2 antarabangsa, supaya kita mempunyai sistem pelajaran yang ternoden dan sesuai dengan keperluan2 negara ini. Kementerian Pelajaran sedang menumpukan segala tenaga dan usaha terhadap pengajaran Ilmu Hisab, Sains dan mata2 pelajaran teknik bagi melengkapkan pelajar2 kita dengan kemahiran atau "know-how" untok menghadapi chabaran2 teknologi dunia pada hari ini.

Kita sekarang berada dalam proses pembentbkan suatu Pusat

Pembangunan Pelajaran bukan sahaja untuk menjalankan kerja2 penyemakan dan pembangunan curriculum sukatan pelajaran kita sendiri, tetapi juga teknik2 pengajaran baru dan penilaian.

Dua kursus latihan telah di-jalankan dalam bulan Ogos 1971 dan April 1972 untuk melatih seramai 55 guru2 sains dalam perkembangan ujian dan penulisan item bagi kertas2 sains jenis-Nuffield. Kertas2 ini akan di-adakan dalam Peperiksaan2 MCE/SPM pada tahun 1973.

Suatu kursus latihan bagi 150 pemeriksa2 tempatan telah di-jalankan dengan kerjasama Lembaga Peperiksaan Cambridge di-Kuala Lumpur dalam bulan April, 1972 selama dua minggu, chara memeriksa dan memarkahkan kertas2 MCE dan SPM untuk kertas2 Ilmu Hisab, Sains, Ilmu Alam, Tawarikh dan Bahasa Inggeris. Kita berhadang hendak menghantar dua puluh orang lagi pemeriksa2 tempatan ke-United Kingdom dalam bulan Disember, 1972 untuk menjalani latihan di-sana.

Memandangkan betapa tinggi-nya harga menchetak dan tambang kapal terbang bagi kertas2 peperiksaan serta kerja2 menchetak yang semakin banyak di-jalankan di-seberang laut, kita sedang mengkaji kemungkinan untuk menubuhkan bahagian penchetak kita sendiri. Sebagai permulaan, bahagian ini akan menguruskan kerja2 penchetakan kertas2 soalan bagi Peperiksaan Penilaian Darjah Lima dan Peperiksaan2 LCE/WRP. Kami berpendapat bahawa bahawa sekira-nya deraf kertas2 soalan bagi Peperiksaan2 MCE/SPM boleh di-siapkan dengan segera, maka kertas2 soalan berchetak boleh di-kirinkan kepada kita melalui kiriman pos biasa dan chara ini akan dapat mengurangkan banyak perbelanjaan untuk bayaran tambang kapal terbang.

Dengan bertambah-nya penyertaan kita dalam kerja2 menjalankan Peperiksaan SPM pada tahun ini dan juga perkembangan Universiti2 di-Malaysia, kita perlu memainkan peranan yang lebih cergas dalam penyelenggaraan Peperiksaan STP. Sebagai tambahan kepada penyertaan dalam penyelenggaraan peperiksaan STP elok-lah kita menjalankan lebih banyak lagi kerja2 terutama sekali dalam kerja2 memproses kemasokan chalun2, perlantikan pemeriksa2, pembahagian skrip, dan lain2.

Saya suka meshuarat ini memberi pertimbangan yang serious kepada semua perkara yang telah saya sebutkan tadi.

Saya berharap Dr. Wild dan Mr. Hardy akan bergembira tinggal di-Malaysia. Saya dengan sukachita merasmikan pembukaan persidangan ini.